

Jangan berbohong di bulan Ramadan

JUTRA 16 Feb. — Perdana Menteri mengingatkan pemimpin politik dan seluruh umat Islam jangan bercakap bohong pada bulan Ramadan ini sehingga boleh menjejaskan ibadat puasa mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, "benda yang bohong kita jangan cakap, benda yang betul kita mengakulah."

"Kita mengaku kalau betul. Kalau kita buat tak betul, kita habar (berita-hu) kata, ya kita buat. Jangan pi dok habar de-

kat orang kata kita tak buat, sedangkan kita buat," kata beliau.

Adalah dipercayai ucapan beliau itu merujuk kepada tindak-tanduk pemimpin parti pembangkang yang mencetuskan kontroversi, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis berbuka puasa dan meletakkan batu asas bagi pembinaan masjid baru Kampung Lahar, Mukim Malau dekat sini petang ini.

Masjid itu yang mene-

lan kos sebanyak RM626,000 dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Abd Hamid Othman, ahli-ahli Exco kerajaan negeri turut menunaikan sembahyang Maghrib di masjid berkenaan selepas berbuka puasa.

Perdana Menteri juga menyentuh masalah tuduhan mengenai penjual-

an tanah milik beliau yang disifatkan sebagai pembohongan.

Katanya, umat Islam di negara ini harus bersyukur kerana mereka terse-lamat dari segala bencana alam berbanding sesetengah negara lain yang dilanda peperangan sesama umat Islam selain kerap menghadapi bencana alam.

Rakyat pelbagai kaum bukan sahaja hidup ber-satu padu tetapi menda-pat segala nikmat hasil daripada kestabilan poli-tik dan kemakmuran ne-

gara, kata Perdana Men-teri.

Beliau juga berharap pembinaan masjid baru Kampung Lahar dapat menyatupadukan ahli-ahli kariah walaupun ber-lainan fahaman politik.

Beliau tidak mahu umat Islam terpisah se-mata-mata kerana bende-ra yang berlainan (faham-an politik) sebaliknya berjemaah bersama-sama menunaikan sembahyang seperti yang dituntut da-lam Islam.